

PM tolak usul tambah yuran PBB

BH 30 SEP 1993

NEW YORK, Rabu — Kedudukan ekonomi Malaysia yang bertambah baik tidak seharusnya dijadikan alasan bagi negara untuk membayar lebih yuran tahunan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

"Kenapa kita perlu bayar lebih? Kita sentiasa cepat membuat bayaran," katanya kepada pemberita sebelum menghadiri majlis makan malam yang diberi oleh Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri Razali Ismail, malam kelmarin.

Menurut pegawai Malaysia ke PBB, Malaysia pada masa ini membayar kira-kira AS\$1 juta setahun yuran tahunan atau 0.12 peratus daripada belanjawan tahunan PBB sebanyak AS\$1.12 billion.

Setiap tiga tahun, Perhimpunan Agung, berdasarkan perakuan oleh jawatankuasa mengenai sumbangan, meluluskan penilaian kadar baru bagi semua negara anggota berdasarkan kepada 'kemampuan untuk membayar' negara berkenaan.

Amerika Syarikat membayar kadar tertinggi 25 peratus manakala negara-negara termiskin hanya 0.01 peratus daripada belanjawan tahunan.

"Oleh kerana kadar itu diluluskan pada 1992, Malaysia akan terus membayar dengan kadar 0.12 pe-

ratus. hingga 1994," kata pegawai itu kepada Bernama.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini semalam. Beliau dijadualkan melancarkan satu persembahan untuk meningkatkan kefahaman mengenai Pasaran Saham Kuala Lumpur di sini pada hari ini. Beliau akan berucap pada Perhimpunan Agung ke-48 BB pada 1 Oktober.

Presiden Bill Clinton memberitahu Perhimpunan Agung pada hari Isnin, Amerika Syarikat akan membayar AS\$400 juta bagi operasi menjaga keamanan dan AS\$400 juta lagi bagi yuran tahunan yang belum dibayar. Kongres Amerika dijangka meluluskan bayaran itu.

Kini, ada 17 misi menjaga keamanan PBB di seluruh dunia dan Malaysia telah menghantar kira-kira 3,400 anggota tentera ke tujuh buah negara yang dilanda kekacauan.

Malaysia menghantar kira-kira 1,200 anggota tentera untuk bertugas dengan pasukan pengaman PBB di Kemboja dan kira-kira 900 di Afrika dengan sebahagian besarnya iaitu 850 anggota di Somalia. Satu kontinjen 1,500 anggota tentera Malaysia akan dihantar bertugas dengan Pasukan Perlindungan PBB (Unprofor) di Bosnia-Herzegovina.